

**ADUN MCA angkat sumpah Exco Johor walaupun ikrar partinya
Malaysian Insider
May 14,2013**

KUALA LUMPUR, 14 Mei — Datuk Tee Siew Kiong mengangkat sumpah sebagai salah seorang daripada Exco Kerajaan Negeri Johor hari ini walaupun sebelum ini MCA mengatakan mereka tidak akan menerima jawatan dalam kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri lapor The Star Online.

Sebelum ini, Presiden MCA Datuk Seri Dr Chua Soi Lek mengatakan parti itu memutuskan untuk tidak menerima sebarang jawatan dalam kerajaan sekiranya tidak mencatatkan peningkatan daripada keputusan yang dicapai pada pilihan raya 2008 pada pilihan raya umum ke-13, 5 Mei lalu.

MCA hanya memenangi tujuh kerusi Parlimen sahaja berbanding 15 sebelum ini.

Difahamkan pelantikan seorang wakil MCA dalam senarai Kabinet itu dibuat atas perkenan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, yang mahu wakil Cina dalam kerajaan negeri Johor.

Tee yang merupakan Setiausaha Penganjur MCA Kebangsaan dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Sebatang akan mengetuai portfolio Pelancongan, Perdagangan Domestik dan Kepenggunaan.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/adun-mca-angkat-sumpah-exco-johor-walaupun-ikrar-partinya/>